

KEGIATAN DAN PERDAGANGAN CANDU DI PERAK PADA KURUN KE-19

(OPIUM ACTIVITY AND TRADE IN PERAK DURING 19TH CENTURY)

Jayakumary Marimuthu & Mohamed Ali Haniffa

Abstrak

Kajian ini memaparkan historiografi candu secara menyeluruh di Perak pada abad ke-19. Kehadiran candu di Perak dikesan lebih awal daripada tempoh tersebut dengan peranannya sebagai komoditi perdagangan dan juga pengamalan tabiat penghisapan candu oleh segelintir aristokrat Melayu. Kemasukan buruh Cina ke kawasan perlombongan bijih timah di Perak pada pertengahan abad ke-19, kegiatan berkaitan candu semakin berkembang disebabkan oleh pengamalan tabiat menghisap candu dalam kalangan buruh Cina yang tinggi. Tabiat menghisap candu ini dieksploitasi, bukan sahaja oleh kerajaan British, malah kapitalis Cina untuk mengaut keuntungan tanpa menghiraukan kemudaratan candu terhadap buruh Cina. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif terhadap sumber pertama dan kedua, kajian ini mengupas sejarah kegiatan candu di Perak dengan signifikannya. Hasil kajian ini mendapati bahawa kegiatan candu memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi kerajaan British dan kapitalis Cina di Perak. Pihak British dan kapitalis Cina cuba bertolak ansur antara satu sama dan menjalinkan hubungan baik bagi menjaga kepentingan masing-masing dalam soal candu sehingga akhir abad ke-19. Campur tangan British turut menamatkan penglibatan orang Melayu dalam kegiatan dan perdagangan candu.

Kata kunci: Tabiat mencandu, Perak, kerajaan British, buruh Cina, kapitalis Cina

Abstract

This article illustrates the opium historiography in Perak during the 19th century. Initially the presence of opium as a trading commodity was changed in a handful of Malay aristocrats who indulged in opium smoking. However, with the influx of Chinese labors to the tin mining areas in Perak in the mid-17th century, they emerged as the majority of opium smokers. The opium smoking habits among Chinese laborers were exploited, not only by the British government, but also by the Chinese capitalists to maximize their profits without ignoring the negative impacts of opium smoking. Using qualitative and quantitative approaches on primary and secondary resources, this study examines the history of opium activity in Perak significantly. The findings show that opium plays an important role in strengthening the economic position of the British government and Chinese capitalists in Perak. The British and the Chinese capitalists established good ties amongst them in order to safeguard their interests in the opium matters until the end of the

19th century. British intervention also ended the involvement of the Malays in opium activities and trade.

Keywords: *Opium smoking habits, Perak, British government, Chinese labor, Chinese capitalist*

PENGENALAN


Dalam sejarah awal kegiatan dan perdagangan candu, kehadiran candu di Negeri-negeri Melayu khasnya di Perak hanyalah bersifat sebagai satu komoditi perdagangan sahaja. Namun keadaan ini berubah apabila tabiat pengambilan candu sebagai bahan mengkhayalkan mula meresapi masyarakat tempatan. Dalam bukunya, Hans Derks memetik kenyataan Barbara W. Andaya dan Leonard Y. Andaya yang menyatakan pengamalan tabiat mencandu dalam kalangan orang Melayu di Perak telah pun bermula sejak kurun ke-17;

“Malays had been smoking opium mixed with tobacco since the seventeenth century, when the Dutch began importing the drug into the area. A hundred years later their consumption had reached such heights that the Governor of Malaka could tell his superiors that “the people of Rembau, Selangor and Perak, like other natives, cannot live without opium...”

(Hans Derks 2012)

Dalam tempoh ini, majoriti penghisap candu tempatan adalah golongan raja dan pembesar Melayu (Chua Ghee Theng 2001). Pengamalan tabiat ini amat ketara dalam kedua-dua golongan ini sehinggakan mereka mempunyai pekerja khas bagi memasak candu untuk kegunaan peribadi mereka. Mereka dipercayai menggunakan dua kaedah berbeza untuk mengambil candu. Pertama ialah menghisap candu dengan menggunakan paip khas dan keduanya pula ialah menelan candu secara langsung (Scheltema 1907). Amalan mencandu agak meluas dalam golongan ini kerana mereka menganggap menghisap candu sebagai indikator status kemewahan hidup. Rakyat marhaen pula tidak terjebak dengan amalan ini, memandangkan mereka tidak mampu membeli candu disebabkan harganya yang mahal. Dalam jurnal bertarikh 29 November 1874, Residen Perak pertama, J.W.W. Birch mencatatkan tentang tabiat mencandu yang diamalkan oleh seorang sultan, “...the Sultan is smoking opium with his one or two associates, and giving opium to his game cocks.” (The Straits Times 6 November 1875). Bahkan Raja Bendahara Osman yang berada di tangga kedua sebagai waris Sultan Perak juga mengamalkan tabiat mencandu (The Straits Times 6 November 1875). Residen Perak, J.W.W. Birch juga pernah menghantar laporan kepada T. Bradell, Setiausaha Negeri-negeri Melayu (Secretary for Natives States) di Singapura tentang segelintir pembesar Perak seperti Orang-orang Kaya Laksamana dan Orang-orang Kaya Syahbandar yang mengamalkan tabiat mencandu (The Straits Times 8 May 1875).

Di samping kegunaan candu untuk tujuan peribadi, golongan raja dan pembesar Melayu turut menjadikan candu sebagai barangan yang di cukai untuk mendapatkan hasil pendapatan sampingan buat mereka (Nonini 1991). Peluang untuk mengaut hasil melalui candu terbuka luas ekoran daripada perkembangan perlombongan bijih timah di Perak, khususnya di kawasan Larut. Kemasukan orang Cina ke kawasan perlombongan bijih timah telah menyediakan satu pasaran luas buat candu kerana majoriti orang Cina merupakan penghisap candu. Di China, amalan menghisap candu telah menjadi satu kebiasaan dalam budaya masyarakat Cina sejak abad ketujuh lagi. Penawaran paip candu kepada tetamu yang bertandang ke rumah dianggap seakan-akan menghidangkan teh (Ong Teck Hong & R.E. Isralowitz 1996).



Gambar 1. Tumbuhan Popi

Sumber: The Opium Poppy-Nature's Addictive Plant, dalam <https://www.deamuseum.org/ccp/opium/history.html> (tarikh diakses 13 Ogos 2017)

Bagi memudahkan soal hak pengutipan cukai candu, golongan raja dan pembesar Melayu melaksanakan pembahagian kawasan dalam kalangan mereka supaya tidak berlaku sebarang tindakan kawasan. Sistem pembahagian kawasan ini yang lebih dikenali sebagai ladang candu ataupun pajakan candu membenarkan pengutipan cukai dibuat berdasarkan jumlah peti candu ataupun kadar pikul candu yang dibawa masuk ke kawasan masing-masing. Menurut R.J. Wilkinson (1971), pembesar Melayu mengenakan cukai sebanyak \$ 4 sepikul candu yang dibawa masuk ke kawasan mereka. Seorang pembesar Melayu terkemuka, Long Jaafar memperoleh hasil antara \$ 1,000 hingga \$ 2,000 melalui pencukaian ke atas candu di kawasan Larut sahaja (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 26 April 1860). Bapa saudara Ngah Ibrahim, iaitu Ngah Lamat mampu mengaut keuntungan antara \$ 1,000 hingga \$2,000 dengan pengenaan kadar cukai sebanyak \$ 120 bagi satu peti candu di Larut (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 26 April 1860). Seringkali hak untuk mengutip cukai di kawasan yang berpotensi membawa pulangan tinggi diberikan kepada golongan raja dan kaum kerabatnya. Sebagai contohnya, di Perak, Sultan Perak diberikan hak istimewa untuk mengutip cukai candu sebanyak \$ 50 bagi satu peti candu di Kuala Perak dan begitu juga dengan Raja Muda Perak (Norbi Husin 1973). Dengan pelaksanaan sistem pengutipan cukai mengikut kawasan, tidak syak lagi bahawa orang Melayu yang memperkenalkan sistem ladang candu, dan bukannya orang Barat. Fakta ini turut diakui oleh K.C. Tregonning (1965) dalam bukunya yang menyebut "*The system of farming...had been used extensively by the indigeneous before the Portugese first came.*"

Sebahagian besar candu yang dibawa masuk ke Perak adalah candu India daripada jenis Patna dan Benares. Proses kemasukan bekalan candu tersebut melalui beberapa proses yang panjang. Di India, selepas lateks popi dituai dan diproses menjadi candu mentah, kesemua bekalan tersebut dibawa ke Calcutta untuk proses lelongan. Selepas lelongan dibuat, bekalan candu yang berjaya di bida dibawa ke Negeri-negeri Selat (NNS) oleh pedagang negeri (*country trader*) yang kemudiannya menjualnya kepada pedagang tempatan (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 14 January 1836). Hampir kesemua pedagang tempatan membawa bekalan candu dari Pulau Pinang masuk ke Perak. Dalam sehari sahaja, iaitu pada 4 Januari 1837 sahaja, sebanyak 970 peti candu Patna dan 1,321 peti candu Benares berjaya dijual di Pulau Pinang (*Singapore Chronicle and Commercial Register* 28 January 1837). Ini menunjukkan bahawa adanya kemasukan sejumlah besar candu ke Perak. Hanya beberapa kawasan sahaja di Perak yang dibenarkan sebagai saluran kemasukan bekalan candu seperti Kuala Kangsar, Durian Sebatang dan Lumut (*Straits Times Overland Journal* 19 August 1879). Bagi kegunaan di kawasan perlombongan bijih timah, pemilik lombong bijih timah membeli bekalan candu tersebut daripada pedagang tempatan untuk dibawa masuk ke lombong-lombong milik mereka. Dalam pada itu, ada juga kaedah lain yang digunakan oleh pengusaha lombong bijih timah. Di Perak, ada pemilik lombong bijih timah menggunakan sistem barter di mana mereka

menukarkan hasil timah mereka untuk mendapatkan bekalan candu daripada NNS. Sebagai contoh, pada tahun 1836, dilaporkan sejumlah besar hasil timah dari kawasan Larut ditukarkan untuk bekalan candu di Singapura dengan harga \$640 satu peti candu (*Singapore Chronicle and Commercial Register* 28 May 1836).

CANDU DAN KEDATANGAN BRITISH KE PERAK

Dengan campur tangan British di Perak pada suku pertama 1870-an, senario kegiatan dan perdagangan candu turut mengalami perubahan ketara. Melihat hasil tinggi yang diperolehi oleh golongan kerabat diraja dan pembesar Melayu melalui candu, pihak British berhasrat untuk menguasai dan mengawal kegiatan dan perdagangan candu bagi kepentingan mereka. Justeru itu, melalui kuasa yang diperuntukkan kepada Residen, pihak British menghapuskan hak mengutip cukai candu yang selama ini dipegang oleh golongan kerabat diraja dan pembesar Melayu (Sadka 1968). Dengan kehilangan kuasa autonomi golongan atasan ini, orang Melayu, terutamanya pedagang yang terlibat dalam kegiatan perdagangan candu turut menerima tempiasnya. Sebagai contohnya, Che Karim, seorang pemodal dan pemborong candu terkemuka di Perak terpaksa melepaskan ladang candunya di Selama (*Straits Times Overland Journal* 19 August 1879).

Selepas menguasai pengambilan hasil candu sepenuhnya, kerajaan British cuba melaksanakan Sistem Pajak Hasil Candu versi mereka di Perak. Sistem ini telah pun dilaksanakan lebih awal di NNS dan membawa keuntungan yang tinggi bagi pihak British. Justeru itu, kerajaan British mengarahkan Residen Perak, J.W.W. Birch untuk menyeragamkan pengutipan cukai candu dalam sistem ladang candu yang sedia ada (Blythe 1969). Kerajaan British memberikan alasan bahawa sistem tersebut perlu dilaksanakan bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan candu yang berleluasa, di samping membawa hasil tinggi buat kerajaan NNS dan kerajaan Perak (*Straits Observer* 18 March 1875). Berikutan itu, satu arahan untuk membuat pembukaan tender pajakan di Perak dibuat oleh Setiausaha Kolonial atas nasihat Gabenor NNS. Kerajaan Perak diarahkan untuk mengeluarkan tender pajakan hasil candu bagi tempoh setahun bermula 1 Februari 1875. Borang tender tersebut perlu diserahkan kepada Residen Perak untuk dipertimbangkan. Antara pihak yang mengambil bahagian dalam penenderan tersebut adalah Messr. Koh Seang Tat, Ho Seng Congsee of Laroot dan Lee Cheng Tee dari Singapura.

Akan tetapi J.W.W. Birch telah membuat perubahan dengan melanjutkan tempoh tersebut kepada tiga tahun untuk ladang candu bagi Perak dan Larut tanpa berunding dahulu dengan kerajaan NNS. Ini menyebabkan kerajaan NNS tidak mahu meluluskan pajakan tersebut sehinggalah kerajaan Perak mengurangkannya kepada tempoh setahun (*The Straits Times* 20 March 1875). Namun demikian, J.W.W. Birch tetap bertegas dengan pendiriannya. Tindakan J.W.W. Birch yang dilihat mengingkari arahan kerajaan NNS dan cuba menguruskan sendiri kegiatan candu tersebut telah mengundang pertikaian serius antara kerajaan NNS dengan kerajaan Perak (*The Straits Times* 20 March 1875). Kerajaan NNS menegaskan bahawa hanya kerajaan NNS, khasnya Gabenor mempunyai kuasa dan kawalan terhadap Negeri-negeri Melayu dan Residen. Residen tidak mempunyai hak untuk membuat keputusan tanpa kebenaran Gabenor NNS (*The Straits Times*, 10 April 1875). Namun demikian, tindakan kerajaan NNS tersebut tidak sepatutnya berlaku kerana tender pajakan tersebut ditandatangani oleh Bradell sebagai Setiausaha Negeri-negeri Melayu dan bukannya sebagai Setiausaha Kolonial, yang sekali gus menunjukkan kerajaan NNS tidak mempunyai kuasa kawalan terhadap kegiatan dan perdagangan candu di Perak.

Besar kemungkinan keputusan J.W.W. Birch yang tidak mahu berganjak daripada pendiriannya dibuat ekoran daripada laporan Kapten Speedy tentang Larut. Dalam satu laporan rasminya, Kapten Speedy menyatakan kerajaan Perak mampu meraih keuntungan tinggi daripada hasil candu seperti yang dinyatakan oleh beliau;

The population of the whole Country had, during the disturbances of 1872 and 1873, been reduced to a number of four thousand, who were merely the fighting men of both factions. Not a trader, Chinese or Malay, had remained; but since the establishment of peace, at the end of only eleven months, the population had reached

the number of thirty-three thousand, - of which twenty-six thousand are Chinese. So flourishing is the present condition of Larut, that this bids fair to be trebled before the close of the year.

(The Straits Times, 10 April 1875)

Di kawasan Larut sahaja, dianggarkan terdapat sebanyak 120 buah lombong yang menghasilkan 6,600 pikul sebulan. Kebanjiran hampir 100,000 buruh Cina di tempat tersebut sahaja mampu menjana hasil candu yang lebih tinggi kelak sehingga menyamai hasil candu yang diperoleh oleh kerajaan Singapura (The Straits Times 10 April 1875).

Bukan sahaja soal tempoh pajakan, malah pemberian tender turut menjadi isu. Pemberian tender kepada sekumpulan kapitalis Cina seperti Koh Seang Tat, Tan Kim Ching dan Lee Cheng Tee dengan kadar sewaan sebanyak \$6,000 sebulan untuk ladang candu bagi Perak dan Larut (The Straits Times 20 March 1875) menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan kapitalis Cina Selat yang lain. Hal ini pernah disebutkan dalam terbitan kesebelas Penang Gazette seperti berikut;

“some not uncalled for dissatisfaction is being evinced by the parties who tendered and supposed themselves, on the authority of the Resident of Perak, to be successful competitors for the Opium and Spirit Farms in that country.”

(The Straits Times 20 March 1875)

Menurut pandangan seorang sejarawan iaitu H.S. Barlow (1995), tindakan J.W.W. Birch memberi pajakan ladang candu kepada kumpulan tersebut merupakan satu bentuk kompromi antara mereka. Sebelum dilantik sebagai Residen Perak, J.W.W. Birch pernah menjawat jawatan Setiausaha Kolonial di Singapura dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan Tan Kim Ching dan Lee Cheng Tee. Dalam tempoh berada di sana, J.W.W. Birch dipercayai telah meminjam wang hampir \$ 9,500 hingga \$ 10,500 dengan mereka (Barlow 1995). Akibat ketidakpuashatian mereka terhadap monopoli Lee Cheng Tee dan kumpulannya, beberapa kapitalis Cina Selat dikatakan telah menarik balik modal mereka dari Perak dan mengarahkan buruh mereka berpindah ke Klang dan tempat lain. Tindakan mereka ini menyebabkan berlakunya kejatuhan pengeluaran timah di Larut dalam jangka masa tersebut (J.M. Gullick 1953). Apabila J.W.W. Birch dibunuh pada bulan November 1875, kedudukan kumpulan Tan Kim Ching-Lee Cheng Tee goyah. Kerajaan Perak terpaksa memendekkan tempoh pajakan candu sebelum ini dengan membuka tender baharu. Peluang ini digunakan oleh kumpulan kapitalis Cina di bawah Kian Teik Tong aktif semula dalam pajakan candu di Larut pada penggal kedua tahun 1876.



Gambar 2. Amalan Penghisapan Candu di Tanah Melayu.
Sumber: Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Setelah beberapa tahun membiarkan pelaksanaan sistem ladang candu yang lama, pihak kerajaan sedar bahawa mereka tidak boleh mengaut keuntungan tinggi dengan menggunakan sistem yang sedia ada. Maka, kerajaan Perak cuba membawa perubahan terhadap kegiatan dan perdagangan candu. Antaranya ialah pelaksanaan Sistem Pajak Hasil Candu yang dilihat sebagai satu polisi yang mudah dan menguntungkan selepas kejayaan sistem tersebut di NNS. Melalui sistem ini, pajak diberikan kepada mana-mana individu ataupun konsortium untuk memproses candu mentah dan menjualnya kepada orang awam. Pada Februari 1877, kerajaan Perak cuba memperkenalkan sistem tersebut dengan menggantikan pengenaan duti ringkas yang diamalkan sebelum ini. Namun reaksi yang diterima daripada pengusaha lombong bijih timah amat mengejutkan. Mereka membantah sekeras-kerasnya cadangan tersebut sehinggakan sebilangan besar daripada mereka lari ke Klang dan Negeri-negeri Melayu lain yang melaksanakan pengenaan duti candu yang lebih rendah. Di Larut sahaja, hampir 5,000 orang Cina telah berhijrah ke tempat lain. Keadaan ini memaksa kerajaan Perak melupakan hasratnya buat sementara waktu (*The Straits Times* 31 March 1877).

RUSUHAN TAIPING 1879

Walaupun usaha kerajaan Perak merombak polisi candu pernah ditentang, namun hanya pada tahun 1879, keadaan menjadi semakin buruk. Pada bulan September, sebulan sebelum tender pajak baru dikeluarkan secara rasmi, Sir Hugh Low, Residen Perak telah menyatakan hasratnya untuk menggabungkan pajak ladang candu dengan pajak lain seperti arak, perjudian, pemajakgadaan, tembakau, atap dan pengutipan duti timah. Cadangan penggabungan tersebut dikemukakan untuk menampung kos perbelanjaan yang ditanggung hampir \$550,000 bagi usaha penangkapan pihak yang terlibat dalam insiden pembunuhan J.W.W Birch. Dengan kaedah baharu ini, dijangkakan bahawa Perak mampu meraih peningkatan hasil sebanyak \$ 42,000 apabila pajak baharu tersebut bermula pada tahun 1880 (Wong Yee Tuan 2015). Akan tetapi, di bawah dasar baharu tersebut, keseluruhan kegiatan dan perdagangan candu akan dimonopoli oleh satu pihak sahaja dan pengusaha lombong bijih timah tidak lagi mempunyai kawalan terhadap kegiatan candu di kawasan perlombongan mereka. Sebelum ini, pengusaha lombong bijih timah sudah mempunyai kuasa dan kawalan terhadap pengimportan, pemrosesan dan penjualan candu pada harga yang ditetapkan oleh mereka. Kerana takut kehilangan hak istimewa mereka, golongan pengusaha lombong bijih timah menentang habis-habisan akan cadangan baharu tersebut. Mereka mendesak agar Sir Hugh Low melepaskan cadangan beliau itu dan sebaliknya mereka mencadangkan agar dinaikkan kadar duti import ke atas candu mentah sebagai jalan alternatif. Namun demikian, beliau tidak mengendahkan tuntutan mereka.

Tindakan Sir Hugh Low tersebut telah mencetuskan satu rusuhan besar di Taiping pada 3 Oktober 1879. Sejumlah 400 orang Cina terutamanya pemilik lombong dan buruh mereka berarak ke kediaman Residen Perak. Mereka menuntut Residen Perak supaya tidak meneruskan rancangan beliau di Larut. Mereka menjerit-jerit dan memaki Sir Hugh Low dengan kata-kata kesat. Kemudiannya kumpulan perusuh tersebut berarak keluar dan merosakkan ladang-ladang arak dan perjudian berhampiran. Mereka turut merompak wang berjumlah hampir \$200 hingga \$300 di kedai-kedai judi yang dimasuki. Bagi meredakan keadaan, Lieutenant Walker, Pemangku Pesuruhjaya Polis bersama-sama 70 pegawai rendah Sikh tiba di tempat rusuhan tersebut. Pihak polis gagal untuk menenteramkan keadaan. Sebaliknya situasi tersebut semakin buruk apabila kumpulan perusuh tersebut menyerang dan melontar batu ke arah pasukan polis. Salah seorang daripada perusuh tersebut melepaskan tembakan ke arah pasukan polis dan menyebabkan seorang Sikh dan seorang peon berbangsa Melayu tercedera. Berikutan itu, pihak polis bertindak balas dengan membalas tembakan sehingga menyebabkan 12 orang Cina terbunuh dengan 16 yang lain cedera parah (*Straits Times Overland Journal* 18 October 1879).

Dalam masa yang sama, orang Cina lain turut serta dengan memberikan sokongan kepada kumpulan perusuh tersebut. Sebagai contohnya, kesemua pemilik kedai Cina memprotes dan enggan menjual barangan kepada orang Eropah. Malah ada daripada mereka menutup kedai mereka sepenuhnya. Apabila pihak polis memujuk pekedai Cina tersebut untuk membuka kedai, mereka memberikan alasan bahawa "Ini kita punya hari besar, tiada mau jual barang-barang (*this is our holiday we don't want to sell goods*)". Pihak kerajaan tidak mampu untuk berbuat apa-apa sehinggakan terpaksa

meminta bantuan tauke-tauke Cina untuk meredakan keadaan. Pada 4 Oktober, sekumpulan tauke Cina yang diketuai oleh Ah Quee dan Tean Tek cuba memujuk para pemilik kedai untuk membuka kedai mereka. Dalam masa yang sama, rusuhan tersebut semakin marak apabila para pengusaha lombong dari negeri-negeri Melayu lain turut serta. Mereka mengugut untuk meracuni kesemua orang Eropah sepertimana yang dilaporkan dalam sebuah akhbar; *"The Chinese have declared that they will poison every European in the place."* (*Straits Times Overland Journal* 18 October 1879).

Keadaan yang semakin buruk menyebabkan pasukan polis di daerah-daerah sekitarnya seperti Durian Sebatang dan Kinta diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga. Dalam pada itu, satu lagi rusuhan tercetus di *Kamunting Gambling Shop* pada 5 Oktober (Wong Yee Tuan 2015). Mendengar tentang rusuhan yang masih tidak reda, Gabenor NNS sendiri telah pergi ke Taiping dengan menaiki kapal *Pluto* yang disertai oleh dua buah kapal, *Encounter* dan *Kestrel* dari Singapura. Anggota-anggota tentera turut dikerahkan dalam rombongan tersebut sebagai sokongan tambahan bagi pasukan polis tempatan. Dalam kapal *Encounter* sahaja, sebanyak 100 orang askar turut serta. Gabenor NNS mengadakan perbincangan dengan orang Cina dan berjanji tidak akan meneruskan cadangan Hugh Low tersebut. Dalam rundingan yang berlangsung pada 6 Oktober, orang Cina juga bersetuju agar kerajaan Perak menaikkan duti import dari \$2 kepada \$5 sebebola candu. Kenaikan duti baharu tersebut mampu membawa hasil pendapatan lebih daripada \$20,000 sebulan yang nampaknya lebih baik berbanding dengan cadangan awal tersebut (*Straits Times Overland Journal* 18 October 1879).

SISTEM PAJAKAN HASIL CANDU

Setelah gagal beberapa percubaan, Sistem Pajak Hasil Candu berjaya diperkenalkan di Perak pada tahun 1888 (Wong Li Ken 1965). Berbanding dengan Sistem Pajak Hasil Candu yang dijalankan di NNS, cara sistem yang sama beroperasi di Perak agak berbeza. Di Perak, sistem ini dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu ladang candu pesisiran (*Chandu Coastal Farm*) dan ladang candu pedalaman (*Chandu Inland Farm*). Ladang candu pesisiran beroperasi sama seperti yang dijalankan di NNS dengan merangkumi kawasan pesisiran. Di Perak, ladang tersebut dikenali sebagai *Coast and Lower Perak Farm* yang mempunyai keluasan lebih satu pertiga daripada keluasan negeri Perak. Ladang tersebut meliputi kawasan sepanjang pantai sehingga menganjur ke kawasan pedalaman sejauh 30 batu. Pada tahun 1897, antara kawasan yang terletak di bawah *Coast* adalah dari selatan Dinding sehingga ke bahagian timur antara Bruas dan Sungai Perak; dari kawasan hilir yang berhampiran Selat Melaka sehingga ke Bukit Berapit; semua kawasan selatan dari Simpang hingga Sungai Kurau dan dari utara Sungai Kurau, daerah Selama dan Krian serta kawasan antara jalan Trong Bruas dan kawasan sempadan di utara dan timur Dinding. Bagi kawasan *Lower Perak Chandu Farm* pula meliputi Zon Utara: kawasan antara Raja Itam dan Sungai Perak; Zon Selatan: kawasan di utara Sungai Bernam; Zon Timur: kawasan di bahagian kanan Sungai Perak iaitu dari Bota hingga Kuala Sungai Kinta; menganjur ke Kuala Merbau Chabang Tujoh yang terletak di Batang Padang River; bahagian kiri Sungai Batang Padang dan Bidor sehingga ke Durian Sebatang; kawasan bahagian kiri Sungai Bidor dan Sungai Sungkai antara Durian Sebatang dan Tiang Betara hingga ke Kuala Slim dan Zon Barat: kawasan barat pesisiran laut dan sempadan Dinding sehingga ke Sungai Raja Itam (*Straits Observer* 31 July 1897). Di ladang ini, tender pajakan dikeluarkan oleh kerajaan bagi mendapatkan hak eksklusif untuk mengimport, memproses dan menjual candu. Bagi mendapatkan hak eksklusif ke atas ladang candu, pemajak hasil candu perlu membayar sejumlah wang yang ditetapkan kepada pihak kerajaan bagi setiap bulan yang dikenali sebagai sewa hasil pajakan (*rent*). Jumlah sewa pajakan hasil candu yang dipersetujui perlu dibayar sebaik sahaja tempoh pajakan hasil candu bermula (Rush Little 1848). Tempoh bagi setiap perjanjian pajakan hasil candu sah untuk tempoh satu hingga tiga tahun (Parry 1998). Kapitalis Cina Selat diberikan peluang untuk memegang hak pajakan hasil candu bersama-sama dengan kapitalis Cina tempatan dengan tidak melebihi 49 peratus.

Manakala bagi ladang candu pedalaman pula, kawasannya meliputi keseluruhan negeri Perak kecuali kawasan yang digazetkan sebagai ladang candu pesisiran. Dalam ladang ini, pengusaha lombong bijih timah dibenarkan untuk memproses dan menjual candu selepas membayar duti import candu kepada kerajaan. Sistem baharu ini diperkenalkan setelah mempertimbangan

pandangan beberapa pihak yang tidak begitu selesa dengan Sistem Pajak Hasil Candu yang divedok bulat-bulat dari NNS. Pihak yang terlibat dengan perlombongan bijih timah, khasnya pemilik lombong timah dan pemodal menentang sistem tersebut kerana mereka tidak mahu menyerahkan hak mereka kepada pemajak hasil candu sepenuhnya (Wong Li Ken 1965). Harga candu yang tinggi di NNS hanya akan membawa masalah yang lebih besar sekiranya dilaksanakan juga di Perak yang rata-ratanya adalah golongan buruh berpendapatan rendah (Wu 1999). Oleh itu, mereka mendakwa bahawa candu yang diimport dan dimasak oleh mereka adalah jauh lebih murah serta mampu dibeli oleh buruh Cina. Bahkan golongan pengusaha lombong bijih timah turut mencadangkan agar monopoli candu di kawasan perlombongan bijih timah dipegang oleh mereka kerana harga candu yang lebih jauh rendah yang ditawarkan oleh mereka mampu menghalang buruh lombong bijih timah daripada memberontak ataupun pulang ke negara asal (Wright & Cartwright 1908).

Sehingga akhir abad ke-19, Sistem Pajak Hasil Candu telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan kegiatan dan perdagangan candu di Perak. Antaranya ialah candu muncul sebagai penyumbang hasil terpenting buat kerajaan selepas hasil duti timah. Pada tahun 1897 sahaja, kerajaan Perak dapat meraih hasil candu sebanyak \$520,000 melalui ladang candu dan duti import candu (Hare 1898). Pihak British memerlukan hasil yang banyak seperti candu untuk membayar hutang kepada kerajaan NNS, bayaran kepada raja dan pembesar Melayu serta pembinaan infrastruktur. Bagi pihak kerajaan, hasil candu ini bagaikan satu rahmat kerana pihak kerajaan memperoleh hasil yang tinggi tanpa membelanjakan sebarang kos dalam pengurusan kegiatan dan perdagangan candu. Hal ini kerana segala pengurusan kegiatan candu di bawah Sistem Pajak Hasil Candu adalah dipertanggungjawabkan kepada kapitalis Cina sepenuhnya. Dalam masa yang sama, untuk memastikan keuntungan semaksimum yang boleh, pihak kerajaan melaksanakan beberapa langkah baharu untuk ke arah tersebut. Sebagai contohnya, bermula 9 Februari 1893, kerajaan Perak menaikkan duti import kepada \$8 sebola candu (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 21 February 1893). Kerajaan Perak berjaya memperoleh keuntungan sebanyak \$50,000 pada tahun 1894 disebabkan kenaikan duti tersebut (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 2 October 1894). Pada tahun 1895, kerajaan Perak bertindak mengutip sendiri duti import candu yang selama ini dipajakkan kepada kapitalis Cina (Butcher 1983).

Pihak kerajaan dilihat memberikan keutamaan terhadap kapitalis Cina yang mempunyai kepentingan dalam sektor perlombongan bijih timah dalam memastikan pemerolehan hasil candu yang tinggi secara berterusan. Sekitar 1880-an, Chung Keng Kwee muncul sebagai pemajak hasil candu terkemuka di Perak kerana beliau memiliki lombong bijih timah terbesar bukan sahaja di Perak, tetapi di seluruh Tanah Melayu (William Tai Yuen 2013). Pemilikan lombong yang besar dan banyak dapat memastikan kemasukan hasil bagi kerajaan Perak secara berterusan. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga bersikap memilih dengan memberikan tender pajakan kepada kapitalis Cina yang berkedudukan sebagai pemimpin sesebuah kongsi gelap. Peranan sebagai ketua sesebuah kongsi gelap bukan sahaja dapat memastikan penjualan candu dalam kalangan anggotanya, malah pihak kerajaan sendiri tidak perlu banyak memikirkkan tentang hal-hal berkaitan candu kerana kongsi gelap mengawal dan mengawasi keseluruhan kegiatan candu terutamanya masalah penyeludupan dalam lingkungan kawalan mereka. Dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Negeri Perak pada 3 November 1879, dipersetujui sebulat suara untuk memberikan tender ladang candu kepada Kapitan Ah Kwee, walaupun beliau bukanlah pembida tertinggi kerana kedudukan beliau sebagai ketua kongsi gelap Hai San. Manakala bagi pajakan tahun 1880-1882 pula, Sir Hugh Low memberikan pajakan candu kepada Sindiket Khoo Thean Tik kerana salah seorang anggotanya, Kian Teik Tong mempunyai pengaruh kuat terhadap kongsi gelap Hai San di Larut.

Ternyata kerajaan British amat selesa dengan Sistem Pajak Hasil Candu sehinggakan tidak banyak perubahan yang dilakukan ke atas struktur sistem tersebut sehinggalah awal 1900. Namun begitu, tetap ada beberapa rang undang-undang baharu dan semakan ke atas rang undang-undang yang sedia dibuat dari masa ke semasa. Perubahan polisi yang dibuat pula lebih kepada konteks bagaimana kerajaan British mampu meraih keuntungan yang lebih tinggi dan juga pengukuhan kawalan kerajaan terhadap ladang candu. Misalannya, di bawah Warta Kerajaan bertarikh 24 Julai 1891 iaitu *No.5 of 1891*, kerajaan Perak membawa perubahan polisi terhadap ladang candu yang

berkuat kuasa mulai 1 Januari 1892. Di bawah akta ini, Residen diberikan kuasa untuk menentukan hak eksklusif terhadap import, pemprosesan dan penjualan candu. Residen juga diberikan kuasa khas untuk mengawal ladang candu di bawah pentadbirannya (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 4 August 1891). Mulai 6 April 1893 pula, secara rasminya kerajaan Perak mengarahkan kesemua pengimport candu ke Perak tidak dibenarkan membawa sebarang peti candu yang tiba dalam kapal kecuali yang dinyatakan dalam *Excise Permit* ataupun kapal yang mempunyai jumlah peti candu yang berlainan daripada yang dinyatakan dalam permit tersebut ditahan (*The Straits Times* 21 April 1893). Dua tahun berikutnya, pihak kerajaan menentukan bekalan candu dibenarkan dibawa masuk ke Perak melalui tiga pelabuhan sahaja, iaitu Port Weld, Parit Buntar dan Teluk Anson (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 4 August 1891; 31 December 1894).

Kegiatan dan perdagangan candu bukan sahaja penting buat kerajaan, tetapi juga buat kapitalis Cina yang terlibat sama. Kapitalis Cina yang dimaksudkan di sini adalah golongan pemajak hasil candu, pengusaha lombong bijih timah dan juga pemilik kedai candu berlesen. Bagi mereka, candu merupakan sumber pendapatan penting dan sering kali hasil keuntungan daripadanya dijadikan sebagai sokongan kewangan tambahan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Bagi sebahagian besar pengusaha lombong bijih timah, hasil jualan candu amat penting dalam menentukan kesinambungan mereka dalam sektor perlombongan bijih timah. Bagi menjalankan aktiviti perlombongan, kos yang tinggi diperlukan bagi menampung kos pajakan tanah, pembelian dan penyelenggaraan peralatan melombong serta mengupah buruh. Melalui penjualan candu dengan harga yang lebih tinggi kepada buruh-buruh mereka membolehkan pengusaha lombong bijih timah membiayai pengoperasian lombong mereka secara berterusan (Butcher 1983). Oleh itu, kapitalis Cina berusaha untuk terus kekal dalam kegiatan dan perdagangan candu. Ini amat ketara dalam kalangan pemajak hasil candu yang bersaing kuat bagi mendapatkan tender pajakan hasil candu sehingga sanggup membelanjakan sejumlah wang yang besar. Dalam pajakan hasil candu bagi tahun 1888-1890, ada pemajak hasil candu di Perak pernah membuat pembidaan yang amat tinggi sehingga mencapai 98 peratus. Jumlah ini yang hampir sama dengan nilai cagaran mereka (*Annual Report of Perak for the Year 1888*).

Jadual 1. Keluaran Timah, Harga Timah dan Jumlah Peti Candu Diimport Berserta Dengan Nilainya Di Perak, 1891-1896

Tahun	Timah (Pikul)	Harga Timah \$	Timah (Pikul)	Jumlah Peti candu Diimport	Nilai Candu (\$)
1891	258,826	32	57	1,544	734,121
1892	297,648	37	39	1,685	948,888
1893	338,240	37	86	1,817	1,034,829
1894	395,681	38	03	1,827	1,226,307
1895	400,956	35	05	1,644	1,218,307
1896	383,226	32	20	1,502	1,096,793

Sumber: G. T. Hare, Report on Taxation of Opium in The Federated Malay States, Taiping: Perak Government Printing Office, 1898:64.

Dalam pada itu, kelicikan kerajaan British untuk tidak terlibat dalam pengurusan kegiatan candu menyebabkan kapitalis Cina yang terpaksa menanggung beban kos pengurusan kegiatan candu, termasuklah kos upah pasukan keselamatan peribadi dalam menangani masalah penyeludupan candu. Bagi menampung kos tambahan ini, kapitalis Cina cuba mengaut keuntungan seberapa banyak yang boleh daripada golongan penghisap candu (Purcell 1967). Antara strategi yang sering digunakan oleh mereka ialah memberikan harga yang tinggi ke atas jualan runcit candu. Pada tahun 1875 sahaja, harga candu di kawasan perlombongan bijih timah mencecah antara 200 peratus hingga 300 peratus lebih tinggi berbanding harga jualan candu di pasaran (William Tai Yuen 2013). Bukan itu sahaja, setiap kali harga pasaran timah melonjak, pengusaha lombong bijih timah menggunakan peluang tersebut untuk mengaut keuntungan dengan membawa masuk lebih ramai lagi buruh. Kemasukan buruh yang tinggi dapat meningkatkan kadar jualan candu seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Pada tahun 1891, kadar peti candu yang diimport berada pada paras 1,544 meningkat kepada 1,685 peti candu apabila harga timah meningkat kepada \$37.39 sepikul pada tahun 1892; 1893, 1,817 peti candu, \$37.86 sepikul timah; 1894: 1,827 peti candu, \$38.02 sepikul timah. Kadar ini jatuh pada tahun 1895 dengan hanya berjumlah 1,644 peti candu apabila harga jatuh ke paras \$35.05 dan terus menurun setelah harga timah dicatatkan hanya \$32.20 yang mengakibatkan hanya 1,502 peti candu diimport masuk ke Perak (Hare 1898). Ini menunjukkan bahawa harga yang tinggi mendorong kapitalis Cina membawa lebih banyak buruh untuk mengerjakan lombong-lombong mereka. Secara tidak langsung, ini menyumbang hasil candu yang lebih buat mereka.

Di samping itu, mereka mencampurkan candu India dengan candu yang diimport dari Turki dan China yang lebih murah (Hare 1898). Malah ada segelintir pengusaha lombong bijih timah mengambil jalan singkat untuk memaksimumkan keuntungan mereka. Mereka membekalkan buruh lombong mereka dengan bekalan candu yang berkualiti rendah terutamanya gred dua dan gred tiga. Kebanyakan candu berkualiti rendah ini dicampurkan dengan bahan-bahan lain seperti candu *dross*, gula perang, isinglas China, jeli kulit khinzir, beras, gam dan bahan sayuran. Adakalanya kandungan bahan tambahan ini terlalu tinggi sehinggakan kandungan candu asli hampir tiada dalam candu yang dijual (Hare 1898).

Dalam soal candu, dapat dilihat dengan jelas bahawa kerajaan Perak dan kapitalis Cina membina satu hubungan baik kerana kedua-dua pihak saling bergantung antara satu sama lain. Masing-masing cuba bertolak ansur dalam isu ataupun masalah yang timbul bagi menjaga kepentingan mereka. Pada tahun 1890, usaha kerajaan Perak untuk menaikkan duti import candu daripada \$7 kepada \$8.50 sebabola candu terpaksa dilupakan apabila golongan pemajak mengadu bahawa mereka tidak mampu untuk membayar hasil duti yang begitu tinggi kerana penjualan candu merosot. Bahkan pihak kerajaan Perak turut memberikan pengecualian duti import kepada pemajak hasil candu sehingga masalah kewangan mereka selesai (*Straits Times Weekly Issue* 20 May 1890). Tindakan kerajaan Perak ini menyebabkan hasil pendapatan kerajaan pada tahun 1891 jatuh dengan hanya \$2,235,000 sahaja diperoleh dengan pengurangan sebanyak \$180,000 (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 4 August 1891; 23 August 1892). Pihak kerajaan sanggup bertolak ansur walaupun kehilangan hasil yang agak tinggi kerana khuatir kapitalis Cina memprotes dan menghentikan kegiatan candu yang akan mengakibatkan lebih banyak kerugian buat kerajaan Perak. Sikap kerakusan kerajaan British dan kapitalis Cina dalam mengaut keuntungan, komuniti Cina khasnya golongan buruh berpendapatan rendah menjadi mangsa. Menurut Laporan Suruhanjaya Candu Malaya yang diterbitkan pada tahun 1908, amalan menghisap candu dalam kalangan orang Cina hanya menjadi amat ketara setelah mereka tiba di Tanah Melayu (*Opium Commission Report* 1909). Ini bermakna golongan belia Cina yang masih belum mengamalkan tabiat mencandu disogokkan dengan amalan tersebut melalui dan juga pembelian candu melalui kredit dan kemudahan menghisap candu dalam kawasan kongsi. Pada tahun 1898 sahaja, daripada keseluruhan 93,590 orang Cina di Perak, sebanyak 27,000 ataupun 46 peratus dicatatkan telah menjadi penghisap candu (Blythe 1969). Kedai candu berlesen turut dibuka di merata-rata tempat untuk menggalakkan amalan penghisapan candu. Pada tahun 1897 sahaja, dicatatkan sebanyak 24 kedai candu berlesen di Ipoh dan 16 buah lagi di Papan dibuka untuk tujuan tersebut (Hare 1898). Kedua-dua pihak ini tidak mengendahkan implikasi negatif yang timbul akibat tabiat mencandu. Antara masalah kesihatan yang dikaitkan dengan tabiat mencandu seperti ketidakmampuan badan untuk bertindak balas, kelesuan, kekurusian, lemah anggota badan, warna kulit dan bibir pucat lesi, lebam pada kelopak mata serta hilang selera makan. Malah dalam beberapa kes, tabiat mencandu boleh menyebabkan masalah kesihatan yang lebih kronik seperti masalah mati pucuk dan gangguan mental (Smith t.th).

KESIMPULAN

Sebelum kedatangan kuasa British lagi, kegiatan dan perdagangan candu telah pun bertapak dan berkembang di Perak. Golongan raja dan pembesar Melayu menjadikan candu sebagai salah satu punca utama pendapatan, di samping mengamalkan penghisapan candu dalam kehidupan seharian mereka. Senario kegiatan dan perdagangan candu mengalami perubahan mendadak apabila pihak British campur tangan di Perak pada tahun 1874. Sedar akan kepentingan hasil candu, pihak British

mengambil alih sepenuhnya kegiatan candu dengan menyisihkan golongan raja dan pembesar Melayu. Di bawah Sistem Pajak Hasil Candu, kerajaan British berjaya meraih keuntungan tinggi tanpa menanggung sebarang kos pengurusan disebabkan kebijakan mereka melepaskan segala tanggungjawab kegiatan dan perdagangan candu kepada kapitalis Cina sepenuhnya.

RUJUKAN

- Annual Report on the State of Perak, for the Year 1888
 Arkib Negara, Kuala Lumpur
 Barlow, H.S.1995. H.S. *Swettenham*, Southdene: Kuala Lumpur.
 Blythe, Wilfred. 1969.*The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya, A Historical Study*. London: Oxford University Press.
 Butcher, John. G. 1983. Demise of the Revenue Farm System in the Federated Malay States. *Modern Asian Studies* 17(3): 387-412.
 Chua Ghee Theng. 2001.Perdagangan dan Dasar British Terhadap Candu di Selangor Sejak Penghujung Abad Ke-19. Kuala Lumpur. Tesis Ijazah Pertama, Universiti Malaya.
 Derks, Hans. 2012. *History of the Opium Problem the Assault on the East, ca. 1600-1950*. Boston: Brill.
 Gullick, J.M. 1953. Captain Speedy of Larut. *JMBRAS* XXVI(3).
 Hare, G, T. 1898. Report on Taxation of Opium in The Federated Malay States, Taiping: Perak Government Printing Office.
 Little, Rush. 1848. On the Habitual Use of Opium in Singapore. *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* :1-79.
 Nonini, Donald M. 1991. *British Colonial Rule and the Resistance of the Malay Peasantry 1900-1957*. Monograph Series 38, Yale: Yale University Press.
 Norbi Husin. 1973.Sistem Politik Dan Masyarakat Negeri Perak Sebelum 1874: Suatu Gambaran Umum. *JEBAT* 03-04: 27-39.
 Ong Teck Hong & R.E. Isralowitz. 1996. *Substance Use in Singapore: Illegal Drugs, Inbalants and Alcohol*. Singapore: Toppan Company.
 Parry, R. 1898. *Report on Tin Mining in The Protected Malay States of Perak and Selangor*. Rangoon: Government Printing.
 Purcell, Victor.1967. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
 Proceeding of the Commission Appointed to Enquire into Matter Relating to the Use of Opium in The Straits Settlements and Federated Malay States (Opium Comission Report). Volume V1, Section VI, Report and Annexures. 1909. London: Darling & Sons, Ltd.
 Sadka, Emily. 1968. *The Protected Malay States, 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
 Scheltema, J.F. 1907. The Opium Trade in The Dutch East Indies. *The American Journal of Sociology* 13(1): 79-112.
Singapore Chronicle and Commercial Register, 28 May 1836; 28 January 1837.
 Smith, G.H. t.th. *Opium Smoking in Penang*.
Straits Observer (Singapore) 18 March 1875.
Straits Observer (Singapore) 31 July 1897.
Straits Times, 21 February 1893.
Straits Times Overland Journal, 19 August 1879
Straits Times Overland Journal, 18 October 1879
Straits Times Weekly Issue, 20 May 1890.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 14 January 1836.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 26 April 1860.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 23 August 1892.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 21 February 1893.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 4 September 1889.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 4 August 1891.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 2 October 1894.
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 31 December 1894
The Straits Times, 20 March 1875.
The Straits Times, 10 April 1875
The Straits Times, 8 May 1875.

- The Straits Times*, 6 November 1875.
The Straits Times, 31 March 1877.
The Straits Times, 21 April 1893.
The Straits Times 8 May 1875
The Straits Times 6 November 1875.
The Taiping Weekly Record, 19 August 1935.
Tregonning, K.C. 1965. *The British in Malaya, The First Forty Years 1786-1826*. Tucson: University of Arizona Press.
William Tai Yuen. 2013. *Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Wilkinson, R.J. 1971. *Papers on Malay Subjects*. London: Oxford University Press.
Wong Li Ken, 1965. *The Malayan Tin Industry to 1914: With Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan dan Pahang*. Tucson: University of Arizona Press.
Wong Yee Tuan. 2015. *Penang Chinese Commerce in the 19th Century: The Rise and Fall of the Big Five*. Singapore: ISEAS.
Wright, Arnold and Cartwright, H.A.1908. *Twentieth Century Impressions of British Malaya, Its History, People, Commerce, Industries and Resources*. London: Greater Britain Publishing Limited.
X.A Wu. 1998. Chinese Family Business Network in the Making of a Malay State, Kedah and the Region, 1882-1941. Ph.D. Thesis, University of Amsterdam.

Jayakumary a/p Marimuthu, (Ph.D)
Jabatan Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman,
Bandar Darulaman
06000 Jitra,
Kedah Darul Aman
E-mel: jeyamarimuthu75@gmail.com

Mohamed Ali Haniffa, (Ph.D)
Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
E-mel: m.ali@uum.edu.my

Diserahkan: 30 Januari 2022

Diterima: 16 Februari 20

Diterbitkan: 30 Jun 2022